

Selangor tumpu empat sektor tingkatkan tadbir urus awam

SHAH ALAM 5 Dis. - Kerajaan Selangor akan menambah baik tadbir urus awamnya bagi memastikan pentadbiran kerajaan negeri lebih cekap, berkesan dan produktif.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, tumpuan penambahbaikan itu akan diberi kepada empat sektor utama yang menjadi nadi penggerak dan berperanan menonjolkan imej kerajaan negeri.

Beliau berkata, sektor itu ialah pihak berkuasa tempatan (PBT), pengurusan masjid, pengurusan pembangunan negeri dan penjawat awam.

"Fokus dan penekanan penambahbaikan tadbir urus awam kepada empat sektor ini diharap mampu mengekalkan status Selangor sebagai sebuah negeri maju yang sejahtera dan cemerlang.

"Pada masa yang sama, kita juga yakin bahawa tadbir urus yang baik mestilah berpaksikan pada prinsip dan asas Islam sejagat dan boleh diterima oleh orang bukan Islam," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika beru-

cap di Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah 2006 dan Seminar Selangor Maju : Tadbir Urus Baik dan Pembangunan Islam di sini hari ini.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Menurut Mohamad Khir, PBT adalah mekanisme penting kerana ia merupakan peringkat kerajaan yang paling hampir dengan rakyat dan keberkesanannya akan mendatangkan kesan kepada 90 peratus warga Selangor yang tinggal di kawasan bandar.

Jelas beliau, masjid pula merupakan institusi Islam yang paling dekat dengan hati umat Islam dan semua pihak perlu mengambil bahagian dalam peningkatan pengurusan masjid agar segala aktiviti menjurus kepada keperluan masyarakat setempat.

Menyentuh pengurusan pembangunan negeri, Mohamad Khir berkata, pembangunan yang mapan dan memanfaatkan rakyat adalah satu keutamaan dan dipastikan tidak

mendatangkan sebarang kesan negatif terhadap masyarakat mahupun alam sekitar.

"Penjawat awam juga perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan integriti agar proses pembangunan negeri Selangor dapat dijana dan dipacu oleh modal insan yang kompeten serta memiliki akhlak dan keperibadian terpuji.

"Hanya penghayatan dan pegangan agama yang teguh mampu menjadi benteng atau menghindarkan penjawat awam dari sebarang anasir yang boleh merosakkan integriti mereka," katanya.

SULTAN Sharafuddin Idris Shah meneliti kulit Kitab Tahqiq Matla' al-Badrin yang dikeluarkan Jabatan Mufti Negeri Selangor selepas merasmikan Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor Maju sambil diperhatikan Mohamad Khir Toyo di Shah Alam, semalam.

